

27 SEP 1999

Abdullah-Sistem

KAKITANGAN KERAJAAN JANGAN SALAHKAN SISTEM YANG ADA, ABDULLAH

KUALA TERENGGANU, 27 Sept (Bernama) -- Kakitangan kerajaan diingatkan supaya tidak menyalahkan sistem yang sedia ada, sebaliknya melihat kepada kelemahan diri sendiri sekiranya berasa diri mereka tertinggal.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menegur segelintir kakitangan kerajaan yang bersikap membisu apabila menghadiri sesuatu mesyuarat, sebaliknya menjadi jaguh perbincangan di kedai-kedai kopi dan warung-warung apabila bercakap mengenai sesuatu dasar.

"Kalau mereka rasa diri mereka diketepikan jangan salahkan orang lain atau sistem yang sedia ada, sebaliknya tengok pada kelemahan diri sendiri," katanya ketika berucap di hadapan lebih 1,000 kakitangan dan pegawai kerajaan negeri dan persekutuan di Wisma Darul Iman hari ini.

Beliau menyatakan rasa hairannya terhadap kalangan kakitangan kerajaan yang bersikap menentang kerajaan sedangkan pelbagai kemudahan telah diberikan oleh kerajaan kepada kakitangannya.

"Saya dahulu pegawai kerajaan juga dan peranannya sama sahaja dengan sekarang, tetapi kakitangan kerajaan kini diberi lebih banyak kemudahan, pejabat yang selesa dan sebagainya... jadi saya hairan apa sebabnya jika ada yang tidak puas hati dengan kepimpinan kerajaan," katanya.

Menurutnya pemimpin-pemimpin negara ini sentiasa menghargai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh kakitangan dan pegawai kerajaan untuk memajukan dan melaksanakan segala dasar yang dibuat oleh kerajaan.

Abdullah menyangkal dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa kakitangan kerajaan tidak dapat menyuarakan pandangan mereka kepada kepimpinan negara.

"Pegawai-pegawai kerajaan tidak dipencilkan kerana mereka juga terlibat secara keseluruhannya dalam membuat sebarang keputusan termasuk membuat dasar... tetapi tidak tahulah jika ada yang datang mesyuarat itu membisu sahaja atau mungkin terpengaruh dengan mereka yang tidak berada dalam kerajaan," katanya.

Menurutnya di peringkat Kabinet sendiri ada proses untuk menyuarakan pendapat dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa sabar untuk mendengar segala pandangan yang diberikan.

"Malah jika ada perkara sensitif, tidak ada masalah untuk dibincangkan... bahkan Dr Mahathir sendiri sabar mendengar segala pandangan serta bersedia berbincang dengan sesiapa sahaja, malah (jemaah menteri) tidak pernah takut untuk menyatakan pendapatnya," kata beliau.

Menurutnya kakitangan dan pegawai kerajaan memegang amanah yang diberikan oleh rakyat kepada mereka dan ia perlu dilaksanakan dengan penuh dedikasi, disiplin yang tinggi serta bekerja dengan penuh bersemangat.

"Kakitangan kerajaan di negara ini beruntung kerana mempunyai kerajaan yang demokrasi dan sepatutnya mematuhi setiap dasar yang telah dibuat... ada kerajaan yang diktator, ada kerajaan tentera, ada kerajaan yang sentiasa berubah-ubah yang kakitangan kerajaannya sendiri berada dalam keadaan tidak selesa dan bebas," katanya.

-- BERNAMA

SBS NMO